



EMPOWERING WELFARE OF MILITARY MEMBERS THROUGH WAKAF INSTRUMENTS: AN ANALYSIS

PEMERKASAAN KEBAJIKAN ANGGOTA TENTERA MELALUI INSTRUMEN WAKAF: SATU ANALISIS

NUR AMNI SYAFIQAH SAUFE

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Email: amnisyafiqah@outlook.com

SAYUTI AB GHANI

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Email: sayuti_70@gmail.com

REDWAN YASIN

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Email: redwan@upnm.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 25TH JULY 2023; REVISED – 28TH AUG. 2023; ACCEPTED – 29TH SEPT. 2023)

ABSTRACT

Military personnel are the main fortress of the country whose role and contribution should not be denied. Correspondingly, with the current socioeconomic development which is less encouraging, it can have an impact especially on the Muslim community. A mixed method was used in this study to obtain good data. This study will focus on waqf institutions that can be an important element and can contribute to the welfare of the military, especially retired military personnel. Among the forms of welfare assistance that can be channeled through waqf to military personnel are education, health, finance and so on according to current needs. Therefore, a study was conducted to see the extent to which waqf instruments can help and contribute to the welfare empowerment of military personnel from time to time.

Keywords: Waqf, Islam, Military, Economy

ABSTRAK

Anggota tentera adalah benteng utama negara yang peranan serta sumbangannya tidak perlu dinafikan. Sejajar itu, dengan perkembangan sosioekonomi semasa yang kurang memberangsangkan, ia dapat memberi kesan terutamanya kepada

masyarakat Islam. Kaedah campuran (*mixed method*) telah digunakan dalam kajian ini bagi memperoleh data yang baik. Kajian ini akan memfokuskan kepada institusi wakaf yang mampu menjadi satu elemen penting dan dapat memberi sumbangan kepada kebajikan golongan tentera terutamanya anggota tentera yang telah bersara. Antara bentuk bantuan kebajikan yang mampu disalurkan menerusi wakaf kepada anggota tentera ialah pendidikan, kesihatan, kewangan dan sebagainya mengikut keperluan semasa. Justeru itu, kajian dijalankan untuk melihat sejauh mana instrumen wakaf dapat membantu dan menyumbang kepada pemerkasaan kebajikan anggota tentera dari semasa ke semasa.

Kata kunci: Wakaf, Islam, Tentera, Ekonomi

PENGENALAN

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah sebuah angkatan yang terdiri daripada tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM). Sepertimana organisasi normal yang lain, ATM juga mempunyai struktur organisasinya yang tersendiri. Pemerintah tertinggi ATM adalah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Baginda akan mengendalikan tugas ini atas nasihat kabinet yang diwakili oleh Menteri Pertahanan manakala, Menteri Pertahanan pula bertanggungjawab kepada Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong serta kabinet mengenai semua keputusan dasar pertahanan serta menentukan agar dasar tersebut dilaksanakan sepenuhnya oleh ATM (Buletin Tentera Darat, 2019). Kerajaan begitu serius dalam memperkasakan ATM sama ada dari sudut pembangunan fizikal mahupun kebajikan para anggota. Perkara ini telah diterjemahkan dalam belanjawan 2023 (Berita Harian, 2023) yang juga menekankan kebajikan yang bukan sahaja melalui kemahiran semula tetapi juga peningkatan kemahiran bagi menjamin anggota ATM yang tidak lagi berkhidmat terus mempunyai punca pendapatan. Selain itu pembaikan rumah, membina rumah yang lebih mampu dimiliki juga menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan warga ATM. Sejumlah RM17.7 bilion mengenai keperluan ini telah diperuntukkan kerajaan.

Sehubungan itu, peranan institusi wakaf tidak terkecuali menjadi salah satu pemangkin kepada kebajikan tentera menerusi pembentukan model wakaf pertahanan. Pembinaan model pengurusan wakaf pertahanan amatlah wajar dipertimbangkan dan dilaksanakan bagi membantu sistem ekonomi di Malaysia. Pada masa yang sama, meningkatkan ekonomi, kebajikan setiap anggota tentera yang telah bersara juga dapat dititikberatkan. Walaupun Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) sudah memberikan bantuan kepada anggota yang memerlukan, namun masih ada lagi anggota yang

mengalami masalah seperti kewangan. Isu kebajikan tentera bukannya isu baru, malahan ianya perlu dilihat dari semasa ke semasa terutamanya melibatkan kebajikan yang dihadapi oleh pesara anggota tentera. Sebagai contoh seorang pesara tentera telah mendiami ‘rumah’ di bawah jambatan Loke Yew bersama isteri dan anak-anaknya kerana tidak mampu membayar sewa rumah (Mahani, 2021). Perkara ini membuktikan kebajikan para anggota perlu dipantau agar mereka menikmati keselesaan hidup yang lebih sempurna.

Wakaf merupakan satu bentuk penyerahan harta di mana manfaat harta tersebut digunakan untuk kebajikan orang ramai (Ab Rahman, 2009). Wakaf dari segi bahasa bermaksud tertahan dan dari segi istilah syarak bermaksud menahan harta yang hendak diwakafkan daripada urusan jual beli tetapi, manfaat harta yang diwakafkan digunakan untuk tujuan kebajikan. (Abdul et al., 2016). Menurut Ab Rahman, (2009) harta yang hendak diwakafkan boleh diberikan secara terang atau sindiran. Berwakaf merupakan ibadah yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mendapat ganjaran pahala yang berterusan. Sebagaimana firman Allah SWT:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ



Maksudnya: ‘Kamu tidak akan sekali-kali mencapai kebajikan yang sebenarnya sehingga kamu belanjakan sebahagian harta yang paling kamu sayangi ke jalan Allah dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.’ (Surah Ali ‘Imran, 3:92)

Berdasarkan firman Allah SWT, Anas RA telah menceritakan bahawa Abu Talhah telah mewakafkan kebun kurma yang disayangi dan sering diziarahi oleh Rasulullah selepas beliau mengetahui firman yang diturunkan Allah SWT tersebut seraya berjumpa dengan Rasulullah SAW dan berhasrat untuk mewakafkan hartanya lalu berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya harta yang paling aku sayangi adalah harta yang berada di Bairuba, maka akan ku wakafkan harta tersebut kejalan Allah swt,” (Al-Khatib, 1997., Al-Asqalani, 1988).

Terdapat beberapa elemen penting menerusi instrumen wakaf yang perlu dipatuhi. Antaranya ialah pewakaf, penerima wakaf, harta yang hendak diwakafkan dan lafaz wakaf. Elemen-elemen ini dikenali sebagai rukun wakaf. Seorang pewakaf (*Wakif*) mestilah terdiri daripada seorang yang baligh, berakal, merdeka dan menepati syarat kelayakan untuk bersedekah harta miliknya serta tiada paksaan dilakukan ke atas seorang pewakaf. Bagi penerima wakaf (*Mawqif*

'Alaih) akan ditentukan oleh pewakaf sama ada manfaat tersebut akan diberikan kepada masyarakat tanpa meletakkan syarat yang khusus atau diberikan kepada golongan dengan syarat yang tertentu. Sebagai contoh, tanah yang diwakafkan tersebut diberikan untuk pembinaan masjid.

Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal perlu mengikuti syarat yang ditetapkan. Rukun yang seterusnya ialah harta yang hendak diwakafkan (*Mawquf*) perlulah harta yang mempunyai nilai. Harta tersebut hendaklah merupakan harta milikan tunggal pewakaf dan tidak dapat diwarisi oleh orang lain. Ulamak telah berpendapat bahawa harta yang hendak diwakafkan perlulah kekal selamanya supaya harta tersebut dapat memberikan ganjaran pahala yang berterusan kepada pewakaf. Akhir sekali, lafaz akad (*Sigbah*) boleh dilakukan sama ada secara lisan atau bertulis dan mudah difahami sama ada wakaf am atau wakaf khas. Lafaz akad adalah harus (Sultan al-Hasyimi, 2002) kerana ia perlu bagi memberi penjelasan kepada masyarakat mahupun keluarga perihal status harta yang telah diwakafkan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Instrumen wakaf sering dikaitkan dengan perkembangan sosioekonomi negara (Mohamad et al., 2021). Hal ini kerana, kita dapat lihat kemajuan sosioekonomi menggunakan harta wakaf sejak zaman dahulu lagi. Institusi wakaf merupakan salah satu penyumbang kepada sosioekonomi negara selain daripada sedekah, zakat dan sebagainya. Selain daripada menyumbang kepada sosioekonomi negara, instrumen wakaf juga dilihat dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dalam sesebuah negara. Oleh itu, ia menjadi satu cabaran kepada masyarakat untuk membentuk pentadbiran institusi wakaf seajar dengan perkembangan semasa negara.

Amalan berwakaf bukan sahaja bertujuan untuk beribadah kepada Allah SWT, namun ia juga melibatkan bantuan kebajikan khususnya kepada umat Islam. Wakaf merupakan salah satu tunjang kepada pembangunan ekonomi umat Islam sekiranya pentadbiran dan pengurusan wakaf diuruskan dengan baik dan cekap. Oleh demikian, pelaksanaan wakaf dijalankan dengan sebaik mungkin, ia akan menjadi batu loncatan kepada negara untuk membangunkan taraf hidup masyarakat ke arah yang lebih baik. Amalan berwakaf merupakan salah satu amalan sedekah yang dituntut oleh Allah SWT dan akan diberikan ganjaran pahala oleh Nya. Seperti sabda Rasulullah SAW:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ اُنْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ أُشْيَاءِ مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ "

Maksudnya: *Dari Abi Hurairah r.a: Sesungguhnya Rasulullah pernah bersabda: "Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah amalan mereka kecuali tiga perkara, sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan doa anak yang soleh." (Riwayat Abu Daud)*

Sedekah jariah yang dimaksudkan dalam hadis ini bermaksud amalan berwakaf yang akan memperoleh pahala yang berpanjangan. Wakaf dilihat sebagai instrumen pembangunan ekonomi Islam. Dalam sistem muamalat Islam, wakaf merupakan salah satu daripada kontrak *tabarru'at* yang bertujuan untuk memberikan peluang dan ruang kepada umat Islam menginfakkan harta untuk mencari redha Allah s.w.t (Isamail et al., 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah metodologi yang sesuai sangat penting bagi memperoleh data yang baik. Dalam kajian ini, metodologi kaedah perpustakaan telah digunakan bagi memperoleh data. Kaedah ini tidak memerlukan kos yang tinggi dan dapat menjimatkan masa. Bagi menjalankan kajian ini, bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian sangat diperlukan. Bahan rujukan seperti instrumen wakaf dan kebajikan anggota tentera boleh dicari di dalam jurnal, buku, akhbar dan majalah. Selain itu juga, kajian-kajian dari penyelidik yang lepas boleh juga dijadikan sebagai sumber rujukan bagi menghasilkan kajian yang baik. Kajian lepas yang telah dijalankan sangat penting kerana pengkaji dapat melihat jurang penyelidikan yang ada serta tidak mengulangi kajian yang lepas (Nokman, 2013). Kaedah kuantitatif juga digunakan dalam kajian ini dengan mengedarkan 30set soalan soal selidik kepada anggota tentera di Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT).

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Kajian mendapati penulisan-penulisan ilmiah yang membincarakan tentang kebajikan ketenteraan terlalu terbatas. Apatah lagi kajian yang mengaitkan wakaf ketenteraan. Boleh dikatakan antara kajian awal mengenai wakaf dan tentera ialah oleh Burhanuddin et al (2019) yang memfokuskan membincangkan sejauh manakah tahap pengetahuan dan kesedaran tentang wakaf berdasarkan usaha-usaha dakwah dan pendidikan Islam yang telah dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia melalui program Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam Angkatan Tentera Malaysia atau DPMKI 9/91 yang telah diwartakan melalui Majlis Angkatan Tentera Malaysia sejak tahun 1991. Berdasarkan kepada kajian, ternyata anggota Angkatan Tentera Malaysia telah mempunyai asas penghayatan Islam, namun pengetahuan dan kesedaran terhadap amalan wakaf perlu dipertingkatkan lagi.

Begitu juga, penyelidik mendapati tiada kajian secara ilmiah yang telah dijalankan tentang pelaksanaan wakaf pertahanan di Malaysia. Oleh itu, penulis cuba mengaitkan elemen-elemen penekanan kepada kebajikan ketenteraan yang telah dilakukan oleh negara-negara lain di dunia. Antaranya, terdapat akta-akta yang melibatkan endowmen dalam pertahanan seperti di Afrika Selatan dan Romania. Perkara ini sedikit sebanyak memberi gambaran awal kepada kajian penyelidikan mengenai pelaksanaan wakaf pertahanan. Pada Januari 2017, Romania telah mewujudkan rancangan yang strategik terhadap endowmen angkatan tentera ekoran pelantikan baharu Presiden Amerika Syarikat pada pertengahan Januari. Hal ini kerana, bagi membuktikan keupayaan Romanian dalam solidarity terhadap NATO (*North Atlantic Treaty Organization*) (New Strategy Centre, n.d). Kementerian Ekonomi Romania juga turut mengenalpasti rakan kolaborasi yang lain bagi memulakan program endowmen pembawa perisai. Terdapat juga program lain yang utama dijalankan oleh Kerajaan Romania seperti *The Multipurpose Corvette*, *The Attack Helicopters*, *The C4ISR (Command, Control, Communications, Computers, Intelligence, Surveillance and Reconnaissance) System* dan *The Surface-based Air Defense* (New Strategy Centre, n.d). Di samping itu, negara lain seperti Afrika Selatan juga telah menjadikan wakaf sebagai salah satu instrumen dana bagi tujuan pertahanan yang telah dirujuk secara khas pada “*Defence Endowment Property and Account Act of 1922*” (Sayuti dan Burhanuddin, 2019). Terdapat kajian daripada Moses (2022) menjelaskan bawah ketenteraan Afrika Selatan boleh mengurangkan kesan kekurangan kewangan melalui proses “*Sweating Assets*” terhadap aset tanah di bawah seliaan mereka. Penyelidik menjelaskan bahawa proses “*Sweating Assets*” penting bagi mengurangkan risiko terhadap harta tanah South African National Defence Force (Moses, 2022).

Dalam konteks sejarah Islam, penulis mendapati tiada kenyataan yang spesifik mengenai wakaf ketenteraan. Antara amalan yang boleh dikaitkan dengan kebajikan sepertimana pada zaman Rasulullah SAW, Baginda telah memberi sumbangan berupa persenjataan kepada tentera Islam untuk berperang. Senjata peperangan seperti baju besi, perisai tangan, baju logam dan pedang (Hamid, 2018). Sebelum berlakunya Perang Badar, tentera Islam pada ketika itu mengalami kekurangan alatan persenjataan. Sehubungan dengan itu, Baginda telah mencari beberapa ekor kuda untuk dilatih oleh Sa'd ibn As' ibn Zurarah al-Khazraj dan diberikan kepada tentera Islam untuk menentang musuh (Wan Yahaya, 1996). Namun, terdapat juga alatan peperangan hasil daripada rampasan perang seperti rampasan perang daripada Bani Qainuqad yang telah menyerah kalah (Al-Waqidi, 1989). Dalam hal ini, gambaran umum tentang pelaksanaan unsur-unsur wakaf pertahanan telah berlaku dalam sejarah Islam. Selain itu, pemeriksaan kebajikan anggota tentera dapat dilihat pada zaman Rasulullah

SAW di mana Baginda telah menjadikan rumah Al-Arqam bin Abi Al-Arqam sebagai tempat aktiviti kemasyarakatan disamping mewujudkan perkhidmatan perubatan iaitu *Al-Rufaidah Al-Islamiyah* (Ibn Hisyam 1995). Kita dapat lihat sumbangan Rasulullah SAW dalam menyebarkan dakwah secara terbuka dan rahsia kepada orang Islam pada zaman itu. Bagi negara yang mementingkan ketenteraan dengan membuka lebih banyak pasaran pekerjaan tanpa mementingkan kebajikan anggota akan menjelaskan pasaran buruh tempatan (Gifford, 2003). Penyertaan tentera dilihat dapat menyumbang kepada peningkatan terhadap pendidikan, kesihatan dan pemakanan yang lebih baik. Faktor-faktor tersebut sangat penting kerana dapat meningkatkan produktiviti sehari-hari (Adeola, 1996).

Wakaf merupakan instrumen yang penting dalam kehidupan sehari-hari umat Islam (Ab Ghani et al., 2019). Namun begitu, pemerksaan kebajikan anggota tentera melalui instrumen wakaf tidak lagi diketengahkan. Justeru, kesedaran terhadap amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat perlu ditingkatkan. Oleh itu, kesedaran terhadap amalan berwakaf perlulah disebarluaskan dengan lebih meluas melalui aktiviti keagamaan di masjid dan surau. Selain itu, kesedaran terhadap amalan berwakaf juga boleh disampaikan melalui media sosial yang kian meluas pada zaman ini.

Satu kajian rintis telah dijalankan untuk mengkaji tahap kefahaman anggota tentera terhadap wakaf. Jadual 1 menunjukkan skor min bagi kefahaman anggota tentera:

Jadual 1: Kefahaman Anggota Tentera Terhadap Wakaf

	N	Minimum	Maximum	Min	Sisihan Piawai
Kefahaman Terhadap Wakaf Pertahanan	30	2.00	3.00	2.7000	.46609
Valid N (listwise)	30				

Secara keseluruhannya skor min berada pada tahap sederhana ($\text{min}=2.7$; $\text{sp}=0.46609$). Skor min tersebut ditafsirkan berdasarkan Jadual 3 oleh Moidunny (2009) dimana bacaan skor 2.61-3.20 dikategorikan sebagai sederhana. Bagi melihat secara terperinci tahap kefahaman anggota tentera, Jadual 2 berikut merupakan senarai hasil analisis bagi konstruk ini:

Jadual 2: Kefahaman Anggota Tentera Terhadap Wakaf Secara Terperinci

	N	Julat	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Wakaf pertahanan wajar di jalankan di Malaysia (S1).	30	2.00	3.00	5.00	4.1333	.68145
Wakaf pertahanan diberikan kepada anggota tentera sahaja (S2).	30	3.00	2.00	5.00	3.6667	.88409
Wakaf pertahanan memberi kesan positif kepada tentera (S3).	30	2.00	3.00	5.00	4.1000	.66176
Wakaf pertahanan mampu menyumbang kepada ekonomi negara (S4).	30	2.00	3.00	5.00	3.9333	.69149
Wakaf pertahanan membantu meningkatkan taraf hidup anggota tentera (S5).	30	2.00	3.00	5.00	4.0333	.61495
Valid N (listwise)	30					

Lima Soalan ini diberikan secara rawak kepada 30 anggota tentera yang berkhidmat di Kor Agama Angkatan Tentera (N=30). Merujuk jadual 2, nilai minimum bagi S1 ialah 3.00 manakala nilai maksimum 5.00. Hal ini menjadikan julat bagi S1 ialah 2.00. Sisihan piawai bagi S1 ialah 0.68145 dan skor min menunjukkan S1 berada pada tahap yang tinggi ($\text{min}=4.1333$). Nilai minimum bagi S2 ialah 2.00 dan nilai maksimum 5.00. Julat S2 ialah 3.00 dan sisihan piawai 0.88409. Skor min bagi S2 ialah 3.6667 menunjukkan ia pada tahap yang tinggi. Seterusnya Jadual 2 menunjukkan nilai minimum bagi S3 ialah 3.00 dan nilai maksimum 5.00. Oleh itu, julat S3 ialah 2.00 dan sisihan piawai ialah 0.66176. Nilai skor min S3 ialah 4.1000 menunjukkan pada tahap yang tinggi. Selain itu, nilai S4 pada Jadual 2 ialah 3.00 dan nilai maksimum 5.00. Julat S4 ialah 2.00 dan sisihan piawai S4 ialah 0.69149. Skor min S4 ialah 3.9333 iaitu pada tahap yang tinggi. Akhir sekali, nilai minimum bagi S5 ialah 3.00 dan nilai

maksimum 5.00 dan menjadikan julat S5 ialah 2.00. Sisihan piawai S5 ialah 0.61495 dan skor min ialah 4.0333. Hal ini menunjukkan skor min S5 berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 3: Tafsiran Skor Min

Skor Min	Tafsiran
1.00-1.80	Sangat Rendah
1.81-2.60	Rendah
2.61-3.20	Sederhana
3.21-4.20	Tinggi
4.21-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Moidunny (2009).

Di samping itu, pengurusan terhadap kebajikan anggota tentera perlu dijalankan dengan sebaik mungkin. Hal ini kerana, sekiranya kebajikan anggota dijaga dengan sebaik mungkin, ia dapat meningkatkan semangat dan moral yang tinggi dalam diri anggota itu sendiri. Semangat yang ada dalam diri anggota dapat membantu anggota tentera menjalankan dan mempertahankan negara dengan baik.

Namun, berbeza pula pemerkasaan kebajikan anggota tentera di negara Amerika Syarikat. Menurut Gifford (2003), negara Amerika Syarikat hanya mementingkan hubungan politik berbanding dengan kebajikan anggota tentera mereka. Walaupun institusi ketenteraan mendapat pengaruh yang besar terhadap kebajikan sosial, namun mereka tetap kurang diberikan perhatian oleh kerajaan. Kesimpulannya, pelbagai kebajikan yang boleh diperkasakan melalui instrumen wakaf seperti dari segi pendidikan anggota, kesihatan, kewangan dan sebagainya. Oleh itu, pemerkasaan kebajikan anggota tentera sangat penting bagi keselamatan dan masa depan negara.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya kita dapat lihat pelbagai elemen yang mampu disumbangkan melalui instrumen wakaf. Perkembangan instrumen wakaf memainkan peranan besar dalam pelbagai sektor ekonomi di dunia. Wakaf tidak hanya tertumpu kepada pendidikan dan kesihatan semata-mata, malah wakaf juga turut dilihat mampu menyumbang kepada sektor pertahanan negara di Malaysia. Disamping itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) perlu memainkan peranan penting dalam menjaga dan memperkasakan kebajikan anggota tentera. Sekiranya kebajikan anggota tentera dijaga dengan baik, tahap moral anggota tentera akan meningkat dan pertahanan negara akan lebih terjamin. Justeru pemerkasaan kebajikan anggota tentera perlu dipertingkatkan melalui instrumen wakaf seperti

menyediakan keperluan peralatan kelengkapan perang kepada anggota tentera. Selain itu, penyediaan tempat seperti surau medan serta tempat Latihan yang lebih kondusif juga dapat meningkatkan moral anggota tentera di samping menjamin kebajikan mereka. Oleh itu, sokongan dan dorongan daripada Kementerian Pertahanan negeri bagi menjaga kebajikan anggota tentera dapat melahirkan anggota tentera yang lebih berintegriti.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi atas kerjasama kajian ini serta bantuan sokongan geran penyelidikan iaitu kod kajian: FRGS/1/2021/SS0/UPNM/02/6

RUJUKAN

- Ab Ghani, S., Nordin, R., Jalal, B., Hamran Mohamad, M., Hasan Al-Banna Mohamed, H., Mahzan Awang, M., & Razaq Ahmad, A. (2019). *Empowering the Social Economic Status of Higher Education Institution in Malaysia Through Waqf Fund*. May 2020, 18–22. <https://doi.org/10.32698/gcs.0165>
- Ab Rahman, A. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Shariah Journal*, 17(1), 113–152.
- Abdul, A., Hydzulkifli, R., Mohd, H. O., Shuib, S., Pengajian, P., & Islam, P. (2016). Kaedah Pengurusan Harta Wakaf Oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (Maik): Pelaksanaan Pajakan Untuk 99 Tahun. In *73 IJMS* (Vol. 23, Issue 1). <http://ijms.uum.edu.my>
- Adeola, F. O. (1996). Military expenditures, health, and education: Bedfellows or antagonists in third world development? *Armed Forces and Society*, 22(3), 441–467. <https://doi.org/10.1177/0095327X9602200306>
- Al-Asqalani, Ibn Hajar, (1988). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, juz5, al-Qaherah: Dar al-Rayyan lilturath, h 454. Dalam Hamidi (n.d.). *Kertas Khas: Saham Wakaf Menurut Perspektif Islam; ke Arah Pelaksanaannya di Negeri Kelantan*.
- Al-Khatib, al-Syarbini (1997). op.cit., h. 485, al-Nawawi, Muhyi al-Din (t.t.), al-Majmu', jil. 16. Jeddah: Maktabah al-Irsyad, h. 324. Dalam Asmak Ab Rahman, (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*. Bil 17(1), m/s 113-152.
- BTDM (Buletin Tentera Darat Malaysia) Bil. 182, Jan-Mac 2009, Markas Tentera Darat, Wisma Pertahana, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, h.9
- Burhanuddin Jalali, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah Ismai & Rashid Nordin. Kesedaran Amalan Wakaf Dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera

- Malaysia. Special Edition | Vol. 16 | NO. 2 ISSN: 2232-1047 eISSN: 0127-8886 www.jfatwa.usim.edu.my
- Gifford, B. A. (2003). *States, Soldiers and Social Welfare: Military Personnel and the Welfare State in the Advance Industrial Democracies. April.*
- Isamail, M. Z., Rosele, M. I., & Ramli, M. A. (2015). Pemerkasaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 9(February 2016), 1–13.
- Mohamad, R., Yusoff, Z. M., & Nordin, N. (2021). (Implementation of Istibdal on Waqf Land in Malaysia: A Comparative Study between Syarak Law and Civil Law). *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 307–331. <https://doi.org/10.32890/UUMJLS2021.12.2.13>
- Mohamed, A. S. P., Osman, N., & Keling, M. F. (2020). Pembangunan dan Permodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Pasca Perang Dingin. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(2), 67–76. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i2.364>
- Moidunny, K. (2009). The Effectiveness of The National Professional Qualifications For Educational Leaders (NPQEL) (Unpublished doctoral dissertation), Bangi: THe National University of Malaysia.
- Nokman, A. Z. bin. (2013). *Terjemahan makna perintah dalam surah al-Baqarah: Analisis perbandingan antara terjemahan tafsir Fi Zilal Al-Quran dengan tafsir pimpinan Ar-Rahman* [University of Malaya]. <http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/5480>
- Sultan al-Hasyimi, Ibn Sultan Ibrahim (2002), 'Ahkam Tasarrufat al-Wakil fi 'Uqud al-Mu'awidat al-Maliyah, al-Imarat: Dar al-Buhuth li al-Dirasat al-Islamiyah wa Ihya' al-Turath, Dubay, 97. Dalam Ab Rahman, A dan Hashim, H (2012). Pengurusan Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Terhadap Wakaf Seetee Aishah. *International Journal of Management Studies*. Vol.19(2), 103-123.